

Laporan Kes

Mahmood bin Mohamed
lawan
Hussin b. Abdullah dan seorang lagi

(Kes Rayuan Mal Bil. 2/1989)*
Mahkamah Rayuan Syariah, Kelantan

Abstract: Claim on Harta Sepencarian (Estate Husband - wife Jointly Acquired) - Customary Estate - Estate Registered under the Name of Deceased - One of the Party not a Kelantan Native - A Section of the Estate Given to be Managed by the Third Party - Doubtful Statement of the Witness - Proof of the Partnership doubtful The use of Oath - Agreement in the Certificate of Marriage

Pihak Perayu di dalam kes ini pada mulanya mengemukakan tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Kadi Besar ke atas Pihak Kena Tuntut (PKT) iaitu empat lot tanah No.761, 762, 763 dan 764 yang terletak di Mukim Ketil, Pengkalan Kubur, Tumpat, Kelantan termasuk rumah dan rumah kedai yang di bina di atas lot-lot tersebut yang bernilai RM140,000. Tuntutan dibuat kerana tanah-tanah yang dipertikaikan didaftarkan dengan nama gemulah Bidah bt. Saamah (isteri perayu) [kemudian ini disebut sebagai "si mati"]. Perayu mendakwa bahawa pembelian harta tersebut adalah hasil usahanya dengan si mati menjalankan perniagaan kedai kopi dan kesemuanya didaftarkan atas nama si mati kerana beliau bukan anak jati negeri Kelantan. Manakala, PKT mendakwa bahawa beliau ada menyumbang dalam pembelian tanah tersebut dari hasil perniagaan kedai runcitnya. Di dalam Mahkamah Rayuan Di dalam kes ini, pihak

(*) Kes Mal Bil. 7/1987, Mahkamah Kadi Besar Kelantan

perayu tidak puas hati di atas keputusan telah dibuat oleh Mahkamah Kadi Besar pada 17 Oktober 1988. Mahkamah telah memerintahkan Yang Kena Rayu bersumpah menafikan tahu Harta Sepencarian yang dipertikaikan yang dengan bersumpah itu tidak sabitlah Harta Sepencarian, dan dibuang kes. Tetapi jika Yang Kena Tuntut enggan bersumpah, maka mahkamah akan menjalankan sumpah rad mengikut Hukum Syarak dan dibahagi dua mengikut perjanjian. Pihak Perayu dalam kes ini memberikan alasan bahawa mahkamah Kadi Besar tersilap dari segi undang-undang apabila mengeneipkan sama sekali pengakuan-pengakuan atau kenyataan jawapan termasuk dokumen-dokumen sebagai sebahagian dari keterangan serta saksi-saksi Pihak Yang Kena Rayu ke atas keseluruhan atau sebahagian dari tuntutan. Mahkamah dikatakan gagal membezakan di antara harta rumah dan hartanah yang menjadi isu dalam tuntutan ini dengan harta perniagaan; tersilap apabila menganggap bahawa kedai runcit adalah kepunyaan pihak Yang Kena Rayu Pertama dan kedai kopi adalah kepunyaan pihak Yang Merayu; serta gagal untuk menimbangkan kenyataan baru apabila Yang Kena Rayu Pertama diserahkan menjaga kedai runcit bangunan kedai itu sudah ada di situ dan menjadi hak kepunyaan Yang Merayu dan si mati. Mahkamah juga gagal menimbangkan fakta bahawa Yang Kena Rayu Pertama membantu pihak Yang Kena Rayu menguruskan perniagaannya, dan malah semasa lot-lot 761 dan 762 dibeli, Yang Kena Rayu Pertama masih berumur 21 tahun dan baru sahaja membantu Yang Merayu menjaga kedai runcit kepunyaan Yang Merayu. Dalam kes ini Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan bahawa mengikut keterangan yang didapati di dalam perbicaraan ini, mahkamah berpendapat:

1-Tanah lot bernombor 761 dan 762 Mukim Ketil, Daerah Pengkalan Kubur, Jajahan Tumpat bersekali dengan rumah kedai tiga pintu dua tingkat yang terdiri di atasnya adalah harta yang diperoleh dari hasil usaha bersama suami isteri (si mati dan Mahmood bin Muhammad). Maka harta-harta itu disifatkan sebagai Harta Sepencarian mengikut Hukum Syarak berdasarkan kepada Surat Perjanjian kerana berkahwin mengikut Bab 11(11) daripada Undang-undang Nikah Cerai Orang Islam Bil.22/1938 yang berbunyi:

“.....adapun Harta Sepencarian jika ada keuntungan sama berusaha akan dibahagi sama banyak di antara suami dan isteri.”

Maka, nilai harta tersebut dibahagi dua; 1/2 daripadanya adalah kepunyaan suami (Mahmood bin Muhamad); dan 1/2 daripadanya adalah kepunyaan isteri (si mati) mana dijadikan harta pesaka.

2-Hartanah Lot No.763 dan 764 Mukim Ketil Daerah Pengkalan Kubur Jajahan Tumpat bersekali dengan rumah kedai tiga pintu satu

3-Tingkat yang terdiri di atasnya disifatkan di sisi Hukum Syarak sebagai harta si mati yang merupakan harta pesaka. Mahkamah mengukuhkan keputusan Kadi Besar sebagaimana yang terkandung di dalam Buku Musykil Ipil dimana kedua-dua pihak (Yang Merayu dan Yang Kena Rayu) gagal mengemukakan bukti-bukti yang nyata untuk menyokong dakwaan masing-masing mengikut Hukum Syarak.

Mengikut penjelasan PKT1 juga, setiap kali PM balik ke India ataupun pulang semula ke Kelantan, biasanya PM meminta PKT1 mengirinkan wang tambangnya kembali dari India iaitu tidak kurang dari RM1,000 melalui Bank Draff. PKT1 juga pernah mengendali dan menguruskan jualan, belian, bayaran hutang piutang dan pinjaman dari RIDA, MARA dan Bank Bumiputera. Mengikut PKT1 juga, semasa ibunya (kini si mati) jatuh sakit dan seterusnya meninggal dunia pada 9 Februari 1986, PM berada di India bersama keluarganya.

Dalam tuntutan balas PKT1, PKT1 memohon mahkamah:

- 1- Mengesah dan sabitkan bahawa wang sebanyak RM12,400 daripada RM25,200 bagi harga kedua-dua tanah Lot No.761 dan 762 Mukim Ketil adalah hak kepunyaan PKT1, dan wang sebanyak RM12,800 lagi adalah hasil sepencarian di antara PM dengan si mati.
- 2- Mengesah dan sabitkan sebanyak RM55,000 daripada jumlah RM60,000 bagi nilai harga ketiga-tiga buah pintu (rumah kedai 2 tingkat) di atas lot No.761 dan 762 Mukim Ketil itu, adalah termasuk wang kepunyaan PKT1, dan sebanyak RM5,000 lagi adalah hasil sepencarian di antara PM dan si mati.
- 3- Mengesah dan sabitkan bahawa kedua-dua tanah lot No.764 dan 764 Mukim Ketil tersebut berserta dengan sebuah rumah kedai (yang mengandungi tiga pintu) yang terdiri di atasnya adalah hak kepunyaan perseorangan (harta Dom) PKT1.
- 4- Mengesah dan sabitkan wang sebanyak RM1,000 daripada wang pampasan (kali kedua) yang dibayar oleh kerajaan kepada PM sebanyak RM10,000 adalah hak campurtangan dan daya usaha PKT1, dan sebanyak RM9,000 lagi adalah sepencarian di antara PM dengan si mati.
- 5- Hukuman-hukuman lain yang mahkamah fikir patut dan munasabah.

Di dalam Penyata Jawaban Balas, PKT2 menjelaskan bahawa dua lot tanah iaitu 761 dan 762 Mukim Ketil, Tumpat, dibeli oleh si mati (ibu kepada PKT1 dan PKT2) daripada Tengku Meriam dengan harga RM2,500. Bayaran dibuat oleh si mati bersama dengan PM sebanyak RM1,300 sebagai pendahuluan dan bakinya RM1,200 dibayar beransur-ansur dan telahpun dijelaskan mulai 10 Ogos 1965 hingga 30 September 1967 dengan kadar RM50X23 bersamaan RM1,150. Manakala baki RM50 dijelaskan pada tarikh berikutnya dengan tiada catitan oleh penerima. Menurut penjelasan PKT2, meskipun dalam kenyataan bertulis PKT1 bahawa PKT1 telah membuat pengakuan yang PKT1 yang membuat baki bayaran, tetapi persoalannya tulisan jawi yang menjadi bukti pembayaran adalah tulisan atau ditulis oleh PM sendiri. Dakwaan PKT1 adalah tidak munasabah memandangkan PKT2 di bawah jagaan PKT1 dan berkerja di bawah PM bersama si mati menguruskan sebuah kedai runcit yang dipunyai oleh PM.

Di dalam jawaban bertulis PKT2 juga, PKT2 menjelaskan tentang sumbangan PKT1 mengubahsuai rumah kayu menjadi rumah batu yang didiami oleh PKT1 dan keluarganya sejak 25 tahun yang lalu memang menjadi tanggungjawabnya untuk mengelola harta atau barangan yang diamanahkan kedua ibubapa sebagai anak yang sulong memandangkan PKT2 tidak bersama keluarga (berkerja sebagai anggota Polis di

Kuala Lumpur). PKT2 tidak mengetahui tindakan PKT1 mengubahsuai rumah yang dipertikaikan itu.

Mengikut beliau juga, PKT1 yang mendakwa membeli dua lot tanah lagi iaitu lot-lot 763 dan 764 yang bersempadan dengan lot lama iaitu 761 dan 762, sebenarnya ia dibeli dari hasil perniagaan PM dan si mati dengan harga RM5,000. PKT2 juga mempertikaikan tuduhan PKT1 terhadap PM yang dikatakan tidak memberi bahagian pampasan tanah sebanyak RM10,000 kepada si mati, sedangkan soal pembahagian tersebut adalah hak PM sebagai suami kepada isterinya (si mati) dan tidak wajar dipertikaikan oleh PKT1 sebagai anak kepada PM dan si mati.

Adapun soal PM dan si mati hanya mengambil barang di kedai runcit PKT1 tanpa bayaran untuk keperluan perniagaan kedai kopi yang dijalankan PM dan si mati tidak berbangkit, kerana kedai runcit yang diuruskan oleh PKT1 adalah kepunyaan PM dan si mati.

Manakala, soal PM selalu meminta wang RM1,000 daripada PKT1 untuk tambang balik dari India ke Kelantan menandakan PM mempunyai harta di sini yang diuruskan oleh PKT1 dan memang wajar PKT1 menjelaskan segala bayaran pinjaman kepada institusi kewangan seperti MARA dan sebagainya kerana PKT1 mempunyai kewajiban itu, malah selama ini PKT1lah yang banyak mengambil manfaat dari harta PM dan si mati berbanding dengan PKT2. Adapun soal urusan penjagaan ibu mereka (si mati) semasa sakit sehingga meninggal dunia diuruskan oleh PKT1 juga tidak boleh dibangkitkan kerana memang telah menjadi kewajiban anak menjaga kepentingan keluarga.

Di dalam jawapan balas bertulis, PKT2 menyimpulkan dan memohon kepada mahkamah supaya:

- 1- Mengesahkan harta yang ada hubung kait dengan tanah di Lot 761 dan 762 di Mukim Ketil tidak ada harta PKT1, dan jika didapati ada sekaipun, maka PKT2 berhak mendapat manfaat darinya.
- 2- Semua harta yang ada hubungkait dengan harta asal sepertimana pembelian tanah Lot-lot 763 dan 764 juga PKT1 tidak boleh diisytihar sebagai harta perseorangan, kerana puncanya adalah harta asal.
- 3- Semua wang pampasan dari kerajaan yang berjumlah RM10,000, PKT1 tidak mempunyai apa-apa hak ke atasnya.
- 4- Hukuman lain yang mahkamah fikir wajar dan munasabah.

Perbicaraan di Mahkamah

Di dalam perbicaraan di mahkamah, PM memberitahu mahkamah bahawa beliau menuntut Harta Sepencariannya dengan si mati (isteri PM). PM berkahwin dengan si mati pada 21 November 1942 [berdasarkan kepada sijil nikah]. Mereka berniaga, PM berniaga barang runcit dan permainan kanak-kanak dan si mati menjual nasi berlauk. Mereka dikurnia seorang anak iaitu Hamzah bin Mahmood (PKT2) yang lahir kira-kira setahun perkahwinan mereka. Sebelum itu si mati ada mempunyai anak bernama Hussin bin Abdullah yang ketika itu berumur setahun (PKT1). Mereka tinggal bersama-sama

di sebuah kedai yang disewa PM dari seorang Cina di Pengkalan Kubur. Pada tahun 1962, kerajaan telah mengambil alih tapak rumah itu dan mendapat pampasan sebanyak RM1,300 kerana bayaran perpindahan. Hasil dari duit itu, PM belikan tanah kepunyaan Tengku Meriam iaitu lot-lot No.761 dan 762, Mukim Ketil Pengkalan Kubur, Tumpat dengan harga RM2,500. PM membayar pendahuluan RM1,300 dan membuat perjanjian iaitu apabila selesai membina rumah di atas tanah itu dengan secara ansur iaitu RM50 dan kadang-kadang RM100 selama lebih kurang setahun lebih. Catitan pembayaran dibuat Tengku Meriam setiap kali bayar. Wang pembayaran adalah hasil berniaga di kedai kopi dan dari kedai barang runcit yang dijaga oleh PKT1. Si mati juga berjual di dalam kedai kopi. Modal kedai kopi ini adalah modal dari kedai lama dimana ia adalah modal dari PM dan si mati. Hussin (anak tiri PM) sudah berhenti sekolah dan selepas setahun dia dikahwinkan, PKT1 diminta menjaga (menguruskan) kedai runcit sejak tahun 1965 dengan usaha dan wang PM membeli barang untuk dijual dan hasil jualan diserahkan kepada PM. Semua keperluan kedai kopi, samada PM atau orang suruhannya mengambil barang keperluan tersebut dari kedai yang dijaga oleh PKT1 sehinggalah PKT1 mendapat anak 9 orang dan amalan tersebut tidak pernah dihalang oleh PKT1.

Pada tahun 1974, PM memberitahu mahkamah bahawa beliau telah membeli tanah lot-lot 763 dan 764 di Mukim Ketil Pengkalan Kubur, Tumpat bersempadan dengan lot-lot dahulu. Satu lot dibeli secara tunai iaitu RM2,500 dan satu lot lagi hanya setelah habis dibayar RM2,500 dalam tempoh lebih kurang setahun barulah ditukar nama. Tanah-tanah tersebut telah didaftarkan atas nama si mati, kerana PM berasal dari India tidak dibenarkan mendaftarkan namanya meskipun sudah dapat kad pengenalan biru. PM juga memberitahu mahkamah bahawa punca kewangan untuk membeli tanah-tanah itu ialah hasil pekerjaan beliau dengan si mati sehingga si mati meninggal dunia pada 1986 iaitu berniaga di kedai kopi dan kedai runcit. PM menyara perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka mulanya di sekolah Pengkalan Kubur dan berikutnya di Sekolah Menengah Tumpat. Tetapi PKT1 hanya belajar setahun dan berhenti sekolah. Manakala PKT2 dihantar ke sekolah swasta di Kota Bharu dan setahun selepas itu PKT2 memasuki perkhidmatan Polis dan kini di Kuala Lumpur berpangkat Sarjan Mejar. PKT1 dikahwinkan dan terus tinggal bersama-sama PM. PM menjalankan perniagaan kedai kopi secara berdaftar (berlesen) sejak tahun 1953 lagi.

Selepas isteri PM (si mati) meninggal dunia, PM menyelesaikan soal harta pesaka peninggalan si mati, tetapi oleh kerana PKT1 tidak bersetuju, PM diarahkan membuat penyelesaian terlebih dahulu di Mahkamah Kadi Besar, Kota Bharu sebelum membuat pembahagian di Pejabat Tanah Tumpat.

Menjawab soalan PKT1, PM menjelaskan bahawa PKT1 hanya menguruskan kedai runcit dan mengakui bahawa PKT1 yang membeli barang-barang dan membayarnya, tetapi dari hasil jualan di kedai runcit itu dan menegaskan bahawa pada masa PM mula-mula membuka kedai itu, nilai barang runcit yang ada ialah lebih kurang RM8,000 tidak termasuk alat kelengkapan seperti almari dan sebagainya. Modal pusingan pula mula-mula RM1,000 dan kemudiannya RM2,000 untuk menjalankan perniagaan kedai kopi dipinjam daripada MARA, dan barang-barang daripada kedai Cina yang diambil secara hutang. PM membayarnya apabila ada duit dan pembayarannya juga ada yang dari hasil perniagaannya di kedai kopi yang dianggarkan untung bersih lebih kurang

RM20. PM juga selalu bertanya khabar tentang kemajuan perniagaan di kedai runcit itu.

Menjawab soalan lain yang dikemukakan oleh PKT1, PM menjelaskan bahawa tempat bayar ansuran tanah lot-lot 761 dan 762 sebanyak RM50 dan RM100 ialah di kedai kopi. PM juga menjelaskan bahawa ada pampasan dari kerajaan yang diterimanya iaitu pampasan pertama pada tahun 1962 sebanyak RM1,300 dan pampasan kedua pada tahun 1985 sebanyak RM10,000. Di dalam perbicaraan ini, PM telah mengemukakan saksi pertamanya iaitu Tengku Meriam binti Tengku Abdullah. Saksi memberitahu mempunyai hartanah di Tumpat dan mengakui ada menjual tanahnya kepada PM sebanyak 4 lot bukan secara tunai, tetapi dengan wang pendahuluan dan bakinya secara ansur melalui surat perjanjian (tulisan jawi bertarikh 3 Julai 1965 dikemukakan kepada mahkamah) dan tanda tangan terima duit. Setelah baki dijelaskan, maka barulah ditukar hak milik. Saksi juga memberitahu dia mengenali PM yang menjalankan perniagaan kedai nasi (kopi) di samping kedai runcit, dan si mati juga sama-sama berniaga. Saksi juga sedar bahawa sebenarnya dia menjual tanah-tanah itu kepada PM dan saksi juga tahu yang tanah-tanah itu terpaksa didaftarkan atas nama si mati kerana PM bukan warga Malaysia seperti yang diberitahu oleh orang lain kepadanya.

Menjawab soalan lain, saksi memberitahu mahkamah bahawa semasa mula-mula menjual tanah-tanah yang dipertikaikan, PKT1 masih terlalu muda berumur lebih kurang antara 15 hingga 18 tahun.

PKT1 semasa memberi jawapan (keterangan) di mahkamah, beliau (semasa perbicaraan berumur 47 tahun) memberitahu mahkamah bahawa beliau dibesarkan di tangan PM dan mengakui PM dan si mati mencari nafkah hidup bersama-sama. Mengikut beliau, PM dan si mati pernah mencari rezeki di Tak Bai, Selatan Thai (tempat asal si mati) dan berpindah lagi ke Jingga dan Pek Bong dan kemudian balik semula ke Tak Bai sebelum berpindah ke Kg.Taba, Kuala Tumpat dan kemudiannya menetap dan menjalankan perniagaan kedai kopi dan runcit di Kg.Ketil, Tumpat. Pada tahun 1957, PKT1 memberitahu bahawa dia tamat sekolah setakat darjah enam dan mendapat pangkat dua. Beliau berhasrat menjadi guru mengikut jejak kawannya iaitu Ibrahim bin Awang, tetapi tidak dipersetujui oleh PM dan si mati. Mereka menyuruh PKT1 membantu menjalankan perniagaan kedai kopi dan runcit. Tetapi, setelah kerajaan mengambil alih tempat mereka berniaga (kecuali di belakang sebelah dapur) dengan diberi pampasan sebanyak RM1,300. PKT1 mengatakan bahawa beliau sekeluarga dengan pampasan itu bersetuju untuk membeli tanah di lot-lot 761 dan 762 yang asalnya dipunyai oleh Tengku Meriam. Harga kedua-dua lot tanah tersebut ialah RM2,500. Wang pampasan dijadikan pendahuluan dan bakinya ialah RM1,200. Baki tersebut dibayar ansuran sebanyak RM50.

PKT1 juga memberitahu mahkamah bahawa di rumah asal tersebut, beliau dikahwinkan oleh PM dan si mati iaitu pada tahun 1961. Mengikut beliau juga, beliau setelah berunding dengan PM membeli sebuah rumah di Kg. Pulau Tumpat dan rumah tersebut telah dibawa ke Pengkalan Kubur didirikan di atas lot 761 dan 762. Setelah siap rumah tersebut, maka beliau empat beranak berpindah ke rumah tersebut dan dijadikan tempat untuk menjalankan perniagaan kedai runcit.

PKT1 juga memberitahu mahkamah bahawa beliau pernah membuat pinjaman dengan RIDA sebanyak RM1,000. Apabila RIDA dibubar dan diganti dengan MARA, pinjaman permulaan sebanyak RM2,000 dan kemudiannya RM3,000 telah diluluskan. Selepas itu, beliau membuat pinjaman lagi dengan Bank Bumiputera, kali pertama RM3,000 dan kali kedua sebanyak RM20,000. Kesemua pinjaman tersebut dijadikan sebagai modal pusingan dan ubahsuai kedai runcit sehinggalah pada akhir tahun 1972, dimana beliau telah dapat membeli dua lot tanah lagi iaitu lot-lot 763 dan 764 juga melalui perundingannya dengan PM sehingga lot-lot tersebut dapat didirikan bangunan. Mengikut beliau lagi, barang-barang di kedai kopi adalah diambil dari kedai runcit, malah termasuk juga barang-barang untuk perbelanjaan harian (makan minum), tetapi tidak dinafikan seminggu sekali PM menghantar wang ke kedai runcit.

PKT1 juga menjelaskan bahawa PM selalu balik ke India paling cepat tiga bulan dan paling lama enam bulan. Semasa ketiadaan PM, PKT1 telah menguruskan kedai kopi dan kedai runcit meskipun tidak dinafikan adik angkat PM (Majid bin Abdullah) berkerja di kedai kopi sejak tahun 1970 lagi.

Semasa si mati sakit, PM selalu berulangalik ke India dan dikatakan PM ada seorang isteri di sana sehingga si mati meninggal dunia, dimana semua urusan dijalankan oleh PM termasuk pembayaran hasil tanah dan sebagainya.

Seperinggalan si mati, PM ada usaha untuk membahagikan harta pesaka si mati dengan merujuk kepada Imam Tua Haji Ramli Haji Ismail dan Imam Muda Wan Hussin Wan Ahmad iaitu Imam Mukim Ketil Tumpat. PM mencadangkan supaya semua harta tanah dan rumah adalah hak PM dengan modalnya sekali hendaklah terlebih dahulu dibahagi dua. Sebahagiannya menjadi milik PM dan sebahagiannya menjadi milik PKT1 dan PKT2. Dalam hal ini, PKT1 tidak bersetuju dengan cadangan PM atas alasan yang dikatakan sebagai harta pesaka itu tidak dapat dikenalpasti. Atas asas demikianlah, maka PKT1 kemudiannya tidak bersetuju dengan pembahagian yang dibuat di Pejabat Tanah Tumpat. Pejabat Tanah Tumpat kemudiannya mengarahkan kes ini dibicarakan di Mahkamah Kadi Tumpat, tetapi oleh kerana mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa membicarakan tuntutan kerana jumlah yang dituntut RM140,800, maka kes ini dirujuk di Mahkamah Kadi Besar. PKT1 memberitahu mahkamah bahawa beliau mengemukakan tiga orang saksi iaitu Salleh bin Dollah, Majid bin Abdullah dan Yaakob bin Yunus bagi mengukuhkan keterangannya.

Menjawab soalan peguam, PKT1 memberitahu mahkamah bahawa tidak ada apa-apa perselisihan berlaku di antara beliau dengan PKT2 (saudara kandung seibu). Adapun dalam jawapan bertulis PKT2 yang memberi gambaran bahawa PKT1 seorang anak yang tidak bertanggungjawab, PKT1 menjelaskan kerana PM sendiri yang menceritakan gambaran negatif kepada PKT2 yang bertugas di Kuala Lumpur, tetapi anggapan tersebut tidak dapat dibuktikan oleh PKT1. Mengikut PKT1, tujuannya menceritakan perihal kematian ibunya (si mati) bukan berniat untuk meminta simpati, kecuali untuk menjelaskan bahawa PM dikatakan tidak mengambil berat tentang si mati. Ini kerana semasa si mati sakit, PM balik ke India. Begitupun, PM juga setuju bahawa adalah menjadi tanggungjawab anak untuk menguruskan jenazah ibunya.

Menjawab soalan lain, PKT1 menjelaskan bahawa duit yang dihantar untuk PM di

India adalah hasil perniagaan kedai runcit. Malah, wang untuk membeli tanah di lot 763 dan 764 juga daripada perniagaan kedai runcit kecuali dalam kira bicara untuk membeli tanah tersebut adalah atas PM. Dengan lain perkataan, duit pembayaran dikeluarkan oleh PKT1, tetapi bayaran dibuat oleh PM. Tanah-tanah tersebut didaftarkan atas nama si mati adalah di atas kerelaan PKT1 sendiri. PKT1 tidak mempersoalkan tentang pembayaran untuk pembelian tanah-tanah tersebut dalam perbicaraan pada hari sebelum ini kerana PKT1 telahpun kira bicara dengan PM. PKT1 juga mengakui bahawa PM dan si mati tidak pernah memberi atau mendaftarkan tanah atas nama PKT1 sendiri. PKT1 mengatakan bahawa wang RM10000 pampasan kerajaan bukan untuk pembelian tanah, tetapi ada di tangan PM. PKT1 tidak setuju jika wang itu dibelikan Proton Saga untuk PKT1. PKT1 juga mengulangi bahawa beliau pernah meminjam wang dari beberapa instiusi kewangan untuk membuktikan bahawa melalui perniagaan kedai runcitnya, beliau mampu untuk membeli tanah dua lot tersebut. Begitupun PKT1 tidak dapat membuktikan pinjaman melalui RIDA dan MARA yang dikatakan ada kaitan dengan pembelian tanah yang dipertikaikan, kecuali Bank Bumiputera iaitu antara RM3000 - RM10000 bermula pada 1979, tetapi pinjaman daripada Bank Bumiputera tidak berkaitan. PKT1 juga mengakui bahawa wang ansuran RM50 sebulan pembayaran tanah diambil dari kedai runcit yang dikendalikan oleh PKT1.

Keterangan Saksi PKT1

Saksi pertama, Encik Yaakob bin Yunus (50 tahun), setelah bersumpah dan bercakap benar mengikut Hukum Syarak memberi keterangan kepada mahkamah bahawa beliaulah yang membaiki rumah yang diduduki oleh PKT1 dan mengubahsuai rumah tersebut menjadi rumah bertingkat. Upah membaiki rumah dibayar oleh PKT1 kepada beliau termasuk bagi pihak 8 orang pekerja dan bukannya dibayar oleh PM. Beliau mengakui sudah empat kali berkerja dengan PKT1 tidak pernah menerima duit upah dari PM.

Saksi kedua, Encik Majid bin Abdullah (berumur lebih kurang 40 tahun) pula memberi keterangan bahawa beliau berkerja di kedai kopi PM sejak 15 tahun lebih dan menganggap PM sebagai abang angkat. Beliau diberi upah sebanyak RM300 sebulan. Semasa beliau berkerja di kedai tersebut, beliau hanya disuruh oleh PM mengambil barang-barang runcit (bukan disuruh membeli) di kedai PKT1 dua hingga tiga hari sekali. Beliau tidur dan makan di rumah PKT1. Menjawab soalan peguam, saksi memberitahu mahkamah bahawa meskipun dia telah berkhidmat dengan PM selama hampir 20 tahun, tetapi dia tidak mengetahui hal ehwal keluarga dan rumah tangga PM dan PKT1. Saksi hanya mengetahui bahawa si mati dan PM memang sama-sama berkerja menjalankan perniagaan mereka. Meskipun, dia selalu mengambil barang di kedai runcit PM, tetapi PKT1 tidak pernah meminta bayarannya. Saksi juga tidak mengetahui asal usul kedai runcit PKT1.

Menjawab soalan balas pihak PKT1, saksi memberitahu bahawa PM ada pernah balik ke India selama 3 bulan, dan saksi juga mengakui menjaga kedai itu semasa ketiadaan PM. Saksi juga menyatakan bahawa dia tidak berkerja makan gaji dengan

PKT1 dan semasa ketiadaan PM, dia membayar barang-barang yang diambilnya dari kedai PKT1 dan pernah mencapai seribu lebih sekali bayar dalam seminggu. Menurut saksi lagi, PM membenarkan beliau menjalankan perniagaan di kedai kopi itu. Begitupun, apabila PM balik ke India, biasanya tidak ada barang-barang di dalam kedai kopi kecuali setelah PM balik dari India, PKT1 biasanya menghantar barang-barang ke kedai tersebut. Seterusnya peguam PM memohon kepada mahkamah supaya PKT2 hadir di mahkamah dalam perbicaraan yang akan datang.

PKT2 yang bekerja di PDRM berpangkat Sarjan Mejer semasa memberi jawapan di mahkamah bersetuju di atas tuntutan PM (bapa PKT2) dan tidak bersetuju dengan jawapan atau keterangan PKT1. PKT2 menegaskan bahawa apa yang beliau beri jawapan bertulis bertarikh 27 Februari 1988 (sebagaimana dalam Lampiran A) adalah benar dan meminta mahkamah menimbang jawapan itu.

PKT2 semasa menjawab soalan peguam PM menerangkan bagaimana dua lot tanah (761 dan 762) di Mukim Tumpat diperoleh oleh PM dan si mati sejak tahun 1962. Pada mulanya mereka berniaga di kedai buruk (kedai kopi dan runcit) secara kecil-kecilan. Disebabkan kawasan tersebut diambil alih oleh kerajaan dengan pampasan, maka PM dan si mati ada memberitahu beliau untuk membeli tanah-tanah tersebut dan dibina bangunan di atasnya. Pada masa itu beliau menyertai PDRM dan dari semasa ke semasa beliau mengikuti perkembangan pembelian dan pembinaan rumah tersebut. PM pernah minta bantuan kepada PKT2. PKT2 ada memberinya wang RM2000 tetapi tak ingat tarikhnya dan menganggap wang itu hangus begitu sahaja.

PKT2 juga memberitahu mahkamah bahawa PM menjalankan perniagaan kedai kopi yang dibantu oleh si mati dan hasil perniagaan dikongsi bersama. Di dalam kedai kopi ada juga kedai runcit. Kedai runcit adalah kepunyaan PM dan si mati. Pada mulanya PM dan si mati menguruskan kedai runcit dan dibantu oleh PKT1.

Menjawab soalan seterusnya, PKT2 memberitahu mahkamah bahawa kedai yang dipertikaikan itu berasal dari sebuah kedai buruk (kedai kopi dan kedai runcit bersama). Oleh kerana kerajaan ambil alih kawasan tersebut dan setelah diberi pampasan, maka PM (bapa PKT2) telah membeli tanah dan buat rumah kedai di Lot-lot 761 dan 762 tersebut. Setelah terbinanya kedai tersebut, maka PM dan si mati memindahkan semua perkakas dan barang kedai dari kedai lama ke kedai baru yang kemudiannya dikendalikan oleh PKT1 dengan diawasi oleh PM dan si mati. Begitupun, PKT2 mengakui tidak mengetahui punca pendapatan mereka dan bagaimana seterusnya urusan mereka, kerana PKT2 tinggal berasingan dari mereka. Cuma, PKT2 tiba-tiba ada mendengar berita dari PM yang dia akan beli tanah sebelah kedai dan sebenarnya telahpun dibeli, tetapi tidak tahu sumber kewangannya untuk membeli tanah tersebut.

PKT2 juga memberitahu mahkamah bahawa semasa balik bercuti juga pergi ke rumah PM dan PKT2 dan mendapati kedai buruk telah dirobohkan, kecuali dibahagian belakang dimana PM tinggal dan menjalankan perniagaan kedai kopi. PKT2 juga pernah diberitahu oleh PM dan PKT2 bahawa kedai dan rumah tempat PM tinggal juga dirobohkan dan kerajaan akan memberi pampasan di antara lapan hingga sembilan ribu ringgit (tidak pasti). Oleh kerana PKT2 tidak begitu memahami urusan pampasan tersebut, maka beliau menyerahkannya kepada PM dan PKT1. PKT2 memberitahu

bahawa beliau difahamkan kerajaan memberi pampasan sebanyak RM10,000, tetapi beliau sendiri tidak mengetahui siapa yang menerimanya.

Saksi ketiga PKT1 (Salleh bin Dolah) (55 tahun) yang dipanggil untuk memberi keterangan memberitahu bahawa beliau berniaga barang-barang runcit di Pengkalan Kubur, Tumpat (di sebelah kedai kopi PM dan bersebelahan dengan kedai runcit PKT1). PKT1 merupakan anak saudara isterinya dan pangkat biras dengan PM. Mengikut beliau, PM selepas rumah lama diambilalih oleh kerajaan kecuali dapur dimana PM berniaga kedai kopi dan rumah lain (sebelahnya) diserahkan kepada PKT1 untuk menjalankan perniagaan runcit. Tanah dibeli dua lot dengan harga RM2,400 dan dibina rumah dimana perkakasnya dibeli dari Pulau Beluru, tetapi beliau tidak mengetahui harganya. Mengikut beliau juga barang-barang yang dipindahkan ke kedai baru bernilai lebih kurang seratus lebih dan PM tidak ada menambah modal untuk mengembangkan perniagaannya, kecuali PM pernah sekali meminta beliau sebagai penjamin bagi mengambil barang di kedai Cina di Kota Bharu yang bernilai lebih kurang RM750, kecuali jika ada modal pusingan RM8,000 tidak perlu penjamin. Menurut beliau (saksi), jika PKT1 kehabisan barang/modal, PKT1 pernah mengambil barang di kedai beliau dan juga di kedai Gemulah Hasan (bapa saudara PKT1) yang juga menjalankan perniagaan kedai runcit. Beliau juga pernah diberitahu oleh PKT1 bahawa PKT1 hendak membuat pinjaman untuk berniaga. Sejauh pengetahuan beliau juga, barang-barang di kedai kopi PM adalah diambil dari kedai PKT1 dimana kedai runcit baru itu diuruskan oleh PKT1 dan keluarganya.

Saksi juga memberitahu bahawa PM pernah memberitahunya jika PM balik ke India, PM menetap di sana antara 2 hingga 5 bulan tetapi tidak sampai 1 tahun. Beliau juga mengetahui apabila diberitahu oleh PKT1 bahawa PM selalu meminta duit darinya apabila PM berada di India untuk tambang pulang ke Malaysia dan pernah sekali berjumlah RM1,800. Menurut beliau lagi, PM ada membeli dua lot tanah dan selepas itu dua lot lagi dibeli kemudian. PM juga pernah memberitahu saksi bahawa PKT1 tidak pandai berniaga, tetapi tidak ada bukti yang perniagaan PM maju. Manakala, si mati pernah memberitahunya bahawa PM ada isteri di India, tetapi tidak pula mengetahui samada PM ada menghantar duit kepada isterinya di sana. Menurut saksi, dia tidak pernah diberitahu oleh PM tentang punca atau modal PKT1 berniaga, tetapi tiap-tiap kali PKT1 buat pinjaman, PKT1 ada memberitahunya. Saksi juga memberitahu yang beliau mengetahui bahawa kedai runcit yang baru telah dibaiki oleh PKT1 dan PKT1 ada membeli dua lot tanah dan menyambung rumah PKT1 sendiri.

Menjawab soalan peguam, saksi menjelaskan bahawa beliau pernah diminta oleh PM sebagai saksi. Walau bagaimanapun, sekiranya beliau memberi keterangan bagi pihak PM, beliau pasti membuat keterangan yang sama sebagaimana beliau memberi keterangan bagi pihak PKT1. Beliau juga menjelaskan bahawa meskipun beliau mengetahui tentang pembelian tanah-tanah di lot-lot 761 dan 762, namun beliau tidak tahu sumber kewangan untuk membeli tanah-tanah tersebut. Beliau mengatakan bahawa tanah-tanah tersebut dibeli pada tahun 1964 dan 1965 dan menegaskan bahawa PKT1 membantu PM dan si mati menjalankan perniagaan mereka dan pada ketika itu, PKT1 tidak mempunyai duit sendiri apa lagi untuk membeli tanah. Menurut beliau, perniagaan

PKT1 bermula setelah tanah-tanah tersebut dibeli dan setelah rumah kedai runcit di dirikan di atas lot-lot tersebut. Beliau juga memberitahu bahawa pada masa mereka tinggal di kedai lama dan berniaga di situ, dua lot lain iaitu lot-lot 763 dan 764 telah dibeli. Begitupun, beliau sendiri tidak mengetahui siapa sebenar di antara PM dan PKT1 yang membeli lot-lot tersebut sekalipun kedua-dua mereka masing-masing hanya memberitahunya akan membeli lot-lot tersebut.

Menjawab soalan lain, saksi menjelaskan bahawa beliau tahu yang PKT1 ada meminjam wang dari Mara dan bank, tetapi tidak mengetahui tarikh membuat pinjaman tersebut. Beliau juga sekali lagi menegaskan bahawa PKT1 menjalankan perniagaannya setelah tanah-tanah di lot 761 dan 762 dibeli, tetapi tidak mengetahui modal PKT1 mula berniaga. Saksi juga menjelaskan bahawa beliau tidak mengetahui tentang barang-barang runcit yang telah diambil dari kedai runcit untuk keperluan kedai kopi samada dibayar atau tidak atau PKT1 sendiri yang minta supaya dibayar atau sebaliknya. Dengan perkataan lain, beliau tidak mengetahui perjalanan perniagaan kedua-dua kedai tersebut.

Seterusnya, tidak ada apa-apa soalan balas dari PKT1. Kecuali PKT2 menyoal saksi tentang hubungan PKT1 dan PKT2. Saksi menjelaskan bahawa beliau memang mengenali rapat kedua-dua PKT1 dan PKT2. Beliau mula-mula mengenali PKT1 sejak dari kelas 6 dan menjadi kakak ipar dengan ibu mereka iaitu setelah ibu mereka (si mati) kawin dengan PM dimana PKT1 di bawah jagaan PM dan si mati.

PKT1 semasa menggulung hujah menyimpulkan bahawa alat-alat di kedai kopi seperti kerusi, peti sejuk dsb. yang dimiliki oleh PM adalah milik PKT1 dan beliau tidak setuju di atas tuntutan PM. Manakala, PKT2 menjelaskan bahawa setahu beliau perkahwinan PKT1 diuruskan oleh PM dan si mati termasuk semua perbelanjaan.

Tetapi, peguam PM menghujahkan bahawa semua hasil wang pembelian yang berbangkit di dalam tuntutan ini adalah hasil bersama di antara PM dan si mati. PKT1 hanya dapat memberi penjelasan tentang perniagaan yang berbangkit selepas harta-harta yang dituntut diperoleh atas nama si mati dan penjelasan PKT1 bahawa hanya nama si mati seorang sahaja di atas harta-harta yang dipertikaikan sebagaimana yang dijelaskan pada awal perbicaraan ini iaitu atas sebab undang-undang kerana PM bukan asal anak negeri Kelantan. Malah, saksi bekas tuan tanah sendiri dimana PM dan si mati membeli darinya sebagaimana surat akuan terima wang yang dtandatangani oleh bekas tuan tanah sendiri. Manakala, wang pampasan yang diterima oleh PM daripada kerajaan adalah sebagai pampasan terhadap diri PM sendiri iaitu sebagai pampasan kerugian PM dan si mati berniaga di kedai kopi. Peguam PM memohon kepada mahkamah supaya menentukan bahawa wang itu adalah wang PM dan si mati dan bukan wang PKT1. Malah, saksi-saksi bagi pihak PKT1 menceritakan tentang perniagaan yang mana bukan memberi keterangan yang berkaitan dengan harta yang menjadi tuntutan dan memohon supaya mahkamah menolak saksi-saksi tersebut.

Keputusan Mahkamah

Setelah mahkamah mendengar perbicaraan kes ini, segala kenyataan tuntutan PM

dan keterangan saksi serta setelah meneliti semua dokumen yang berkaitan, dan jawapan kedua-dua PKT dan saksi-saksinya, maka didapati bahawa PKT1 tidak bersetuju di atas tuntutan PM kecuali PKT2 sebaliknya. PM mendakwa bahawa tanah-tanah yang dituntut adalah dibeli semasa dalam tempoh perkahwinan PM dengan si mati (isteri PM). Dakwaan atau tuntutan PM hanya disokong oleh seorang saksi perempuan. Manakala, PKT1 mendakwa bahawa beliau telah membeli tanah-tanah di lot-lot 763 dan 764 dimana dakwaan beliau disokong oleh salah seorang dari tiga saksinya iaitu saksi ketiga pada peringkat awal keterangannya, tetapi berubah pula semasa menjawab soalan peguam PM dimana beliau tidak tahu siapa di antara PM dan PKT1 yang membeli tanah-tanah tersebut. Dengan itu dakwaan PKT1 tidak ada sokongan dari ketiga-tiga saksinya itu. Begitu juga dakwaan PM yang membeli tanah-tanah itu juga tidak terang kerana tidak ada sokongan saksi yang cukup. Semua 4 lot tanah yang dipertikaikan adalah atas nama si mati. Malah, terdapat juga perjanjian jual beli tanah di antara si mati dengan Tengku Meriam bt. Tengku Abdullah (tuan tanah asal), tetapi tidak tercatat nama PM dalam perjanjian tersebut. Ini menunjukkan qarinah bahawa harta tersebut kepunyaan si mati.

Di samping itu, mahkamah mendapati ada satu perjanjian kerana berkahwin mengikut Undang-undang Nikah Cerai Orang-orang Islam tahun 1938 yang dikemukakan oleh PM (melalui peguamnya) kepada mahkamah semasa perbicaraan PM dan si mati di hadapan Kadi Besar Kelantan (Haji Nik Mohd.Adib) pada 21 November 1942. Di dalam perjanjian tersebut, antara lain menyebut:

“Adapun harta sepencarian jika ada keuntungan sama berusaha akan dibahagi sama banyak di antara pihak Yang Pertama dengan pihak Yang Kedua”.

Pihak pertama di dalam perjanjian itu ialah Kamud bin Mohamad (nama yang sama PM) dan pihak kedua si mati. Di dalam kenyataan PM, beliau menjelaskan bahawa beliau dan si mati sama-sama berkerja iaitu menjual kopi dan si mati menjual nasi berlauk. Malah, kenyataan ini diakui sendiri oleh PKT1 di dalam jawapannya di dalam mahkamah serta diakui juga oleh saksi keduanya. Sungguhpun demikian, kenyataan tersebut tidak cukup bagi menyokong tuntutan PM kerana tidak ada bukti yang nyata bahawa harta-harta yang dituntut itu dibeli melalui wang hasil carian bersama di antara PM dan si mati bagi membolehkan mahkamah mengesahkan bahawa harta-harta tersebut adalah Harta Sepencarian di antara PM dan si mati.

Oleh yang demikian, mahkamah putuskan supaya PKT bersumpah menafikan bahawa harta-harta itu adalah sepencarian. Dengan sumpah itu, tidak sabitlah secarian dan dibuang kes. Jika PKT enggan bersumpah, maka mahkamah akan menjalankan sumpah radd mengikut Hukum Syarak dan dibahagi dua mengikut perjanjian.

Rujukan

Hukuman ini adalah berdasarkan kepada Hukum Syarak dengan rujukan berikut:

- 1- Kitab *I'annah al-Talibin*, jld. 4, dalam bab *al-Da'wa wa al-Bayyinat*, Mustafa al-Halabi, cet. kedua, Mesir (1938), hh. 247, 251-52 yang berhubung dengan syarat-syarat pendakwaan dan kitab yang sama jld. 3, h.76 berhubung dengan sumpah *nafy al-'ilm*.
- 2- Kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah*, percetakan Patani Press (1937), h.106 berhubung dengan Harta Sepencarian.
- 3- Kitab *Bughyah al-Mustarsyidin*, percetakan Mustafa al-Halabi, Mesir (1936), h.159 berhubung dengan adanya qarinah di mana akan menentukan bahawa harta-harta tersebut menjadi milik tunggal si mati.
- 4 - Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam, Bil.1/1966, Bab 48, serta Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan Bil.3/1982 seksyen 9(2)(iv).

Mana-mana pihak yang tidak puas hati di atas keputusan ini boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari. Jika tidak ada rayuan, sumpah akan dijalankan pada 3 November 1988, jam 9.30 pagi.

Sebab-sebab Hukuman

- 1- PM (melalui peguamnya) mengemukakan tuntutan Harta Sepencarian kepada PKT1 dan PKT2 di atas 4 lot tanah Mukim Ketil Pengkalan Kubur, Tumpat lot-lot No.761, 762, 763 dan 764 termasuk rumah kedai yang dibina di atas tanah-tanah tersebut (3 pintu dua tingkat dan 3 pintu setingkat) dan dua buah rumah di belakang kedai yang kesemuanya bernilai RM140,800.
- 2- Dakwaan PM mencukupi syarat-syarat pendakwaan sebagaimana yang dijelaskan di dalam kitab fiqh *I'annah al-Talibin*, hh.251-52.
- 3- PKT(2) bersetuju di atas tuntutan (PM), tetapi PKT1 tidak bersetuju semua tuntutan PM dan menafikannya.
- 4- Tanah-tanah yang berbangkit dalam tuntutan ini didaftarkan di atas nama si mati iaitu isteri PM, dan sebelum ditukar nama dalam pembelian 2 lot tanah No.761 dan 762 terdapat perjanjian jual beli di antara si mati dengan tuan tanah asal (Tengku Meriam) dimana ini menunjukkan ada qarinah bahawa harta-harta itu kepunyaan si mati mengikut Hukum Syarak di dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin*, h.159.
- 5- Tidak ada sokongan yang cukup dari saksi PM melainkan hanya seorang perempuan sahaja dan tidak ada keterangan-keterangan lain yang membuktikan bahawa tanah-tanah tersebut dibeli oleh PM. Begitu juga keterangan daripada saksi-saksi PKT1 tidak jelas dan cukup untuk membuktikan tuntutan atau dakwaan PKT1 yang membeli tanah lot 763 dan 764 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam kitab *I'annah al-Talibin*, jld.4, h.273.
- 6- Tidak diketahui dengan yakin oleh mahkamah tentang adanya perkongsian dalam pembelian tanah-tanah yang dipertikaikan di antara PM dan si mati samada dengan *bayyinah* atau tidak dinafikan oleh PKT bagi mengesahkan harta itu sebagai sepencarian dan dibahagi dua sama banyak mengikut perjanjian sebagaimana yang

dijelaskan di dalam kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah*, h.106 yang menyebut:

“Jika adalah harta tarikat itu bersekutu padanya oleh dua laki isteri itu bersamaan kadarnya dengan yakin maka dibahagikan sebagai bahagi yang tersebut itu adalah membahagi itu sebenar, adapun jika tiada diketahuikan bersekutunya atau diketahuikan bersekutunya dan jikalau sama-sama bekerja yang mendapatkan harta itu sekalipun, tiada perkerjaan khidmat seperti bertanak dan membasuh dan menjahit kain suaminya tetapi tiada diketahuikan bersamaan bersekutu itu seperti tiada diyakinkan bahawasanya berkerja itu sama banyak kadarnya atau tiada maka dibahagikan dua dengan ketiadaan redha meredha segala warasah pada kadar yang lebih kurang nescaya tiada sah membahagi sebagai bahagian tersebut”.

7- Sumpah *nafy al-'Ilm* dihukum kerana PKT bukan orang yang bersabit sebagaimana dijelaskan di dalam kitab *I'arah al-Talibin*, jld.3, h.76.

Berdasarkan kepada sebab-sebab dan alasan tersebut di atas, maka mahkamah putuskan tidak sabit sepencarian PM dan dibuang kes.

Hakim: Haji Daud bin Muhammad
Timbalan Kadi Besar Kelantan.

Peguam PM: Tengku Ariff bin Tengku Mohd. Maasum
Peguambela dan Peguamcara
Kota Bharu, Kelantan.

Pelapor: Suwaid b. Tapah